

BAB DUA : MASDAR THULĀTHIY MAZID DENGAN DUA KONSONAN

2.0. Pengenalan

Masdar thulāthiy mazid dua konsonan adalah terhasil daripada kata kerja tiga huruf yang berimbahan dua konsonan. Terdapat lima pola kata kerja thulāthiy mazid dua konsonan. Pola-pola tersebut ialah :

- a. Pola **افْعَلْ** - imbuhan hamza^ت waṣal dan nūn di awal kata.
- b. Pola **إِفْعَلْ** - imbuhan hamza^ت waṣal di awal dan tā' di tengah kata.
- c. Pola **إِفْعُلْ** - imbuhan hamza^ت waṣal di awal dan gandaan konsonan di akhir kata.
- d. Pola **تَفْعَلْ** - imbuhan tā' di awal dan gandaan konsonan di tengah kata.
- e. Pola **تَفَاعَلْ** - imbuhan tā' di awal dan alif di tengah kata.

(Ahmad al-Hamīdiy 1965 : 38)

2.1. Masdar Thulāthīy Mazīd Dengan Imbuhan Hamzat Waṣal Dan Nūn Di Awal kata (ﺍِنْفَعْلٌ).

Masdar thulāthīy mazīd dengan imbuhan hamzat waṣal dan nūn di awal kata terhasil daripada kata kerja thulāthīy mazīd berimbuhan hamzat waṣal dan nūn di awal. Masdar ini terhasil dalam bentuk yang sama dari kata kerja saḥīḥ dan muṭal.

2.1.1 Aspek Pola Bagi اِنْفَعْلٌ.

Bagi pola اِنْفَعْلٌ masdarnya dalam bentuk pola اِنْفَعَالٌ iaitu dengan menggantikan baris fathat pada fā' kepada baris kasrat dan diimbuhkan alif sebelum konsonan akhir kata. Contohnya اِنْطَلَقَ (berlepas) masdarnya (اِنْطَلَقَ) berlepas (Fakhruddin Qabāwaṭ, 1994 : 138)

2.1.1.1. Pola اِنْفَعْلٌ Bagi Kata Kerja Saḥīḥ.

Kata kerja saḥīḥ yang berimbuhan hamzat waṣal dan nūn di awal dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja yang lämnya huruf saḥīḥ
- ii. Kata kerja gandaan konsonan tengah
- iii. Kata kerja berhamzat

a. Pola اِنْفَعَل bagi kata kerja yang lamnya huruf sahīh. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اِنْفَعَل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
طلق	انْطَلَقَ	انْطِلَاق	انْفَعَال
(berpisah)	(berlepas)	(berlepas)	

b. Pola اِنْفَعَل bagi kata kerja gandaan konsonan tengah. Contohnya :

<u>Kata Kerja</u>	<u>Pola اِنْفَعَل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
شق	انْشَقَ	انْشِقَاق	انْفَعَال
(pecah belah / koyak)	(pecah)	(perpecahan)	

c. Pola اِنْفَعَل bagi kata kerja berhamzat.

Kata kerja berhamzat yang berimbuhan hamzat waṣal dan nūn di awal dikategorikan kepada dua iaitu :

- Kata kerja berhamzat di awal
- Kata kerja berhamzat di akhir

Manakala kata kerja berhamzat di tengah, tidak terdapat contoh yang berkaitan dengan pola ini.

i. Kata kerja berhamzat di awal. Contohnya :

Kata Akar

Pola افْعَلْ

Masdar

Pola Masdar

أَطَرَ

اَنْأَطَرَ

اِنْتَطَارٌ

اِنْفَعَالٌ

(bengkok)

(membengkok)

(menjadi bengkok)

ii. Kata kerja berhamzat di akhir . Contohnya :

Kata Akar

Pola اَنْكَفَأْ

Masdar

Pola Masdar

كَفَا

اَنْكَفَأْ

اِنْكِفَاءٌ

اِنْفَعَالٌ

(padan)

(kembali)

(berubah / kembali)

2.1.1.2. Pola افْعَلْ Bagi Kata Kerja Mu'tal.

Kata kerja mu'tal bagi kata kerja yang berimbuhan hamzat waṣal dan nūn di awal dikategorikan kepada empat iaitu :

- i. Mu'tal awal
- ii. Mu'tal tengah
- iii. Mu'tal akhir
- iv. Mu'tal tengah dan akhir

Manakala kata kerja mu'tal awal dan tengah, tidak terdapat contoh yang berkaitan dengan pola ini.

a. Pola اِنْفَعَلٌ bagi kata kerja mu'tal awal. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اِنْفَعَلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
ورب	انْوَرَب	انْوَرَاب	انْفَعَالٌ

(rosak / binasa) (terbinasa) (menjadi rosak / kerosakan)

b. Pola اِنْفَعَلٌ bagi kata kerja mu'tal tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola اِنْفَعَلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
قاد	انْقَاد	انْقِيَاد	انْفَعَالٌ

(memimpin) (terpimpin) (pimpinan)

c. Pola أَنْفَعَلٌ bagi kata kerja mu'tal akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>أَنْفَعَلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
جَلَّا	أَنْجَلَى	أَنْجَلَاءُ	أَنْفَعَالٌ
(terang)	(berterang- terangan)	(menjadi terang)	

d. Pola أَنْفَعَلٌ bagi kata kerja mu'tal tengah dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>أَنْفَعَلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
شَوَّى	أَنْشَوَى	إِنْشِوَاءُ	أَنْفَعَالٌ
(bakar / panggang)	(terbakar)	(panggangan)	

2.1.1.3. Kesimpulan

Bagi pola أَنْفَعَلٌ, masdar bagi keseluruhan kata kerja sahīḥ dan mu'tal dalam bentuk pola أَنْفَعَالٌ. Namun begitu, bagi kata kerja mu'tal tengah terdapat gantian

dari pada huruf asal kata kerja, contohnya : إِنْقَادٌ (terpimpin) masdarnya dalam bentuk

pola اِنْقِيَادٌ (pimpinan) asalnya اِنْقُوَادٌ iaitu wāw digantikan dengan yā' disebabkan terdapat baris kasrat sebelum wāw. (Muhammad Yusriy Za'ir, 1997 : 51).

Begitu juga dengan kata kerja mu'tal akhir serta mu'tal tengah dan akhir, contohnya : اِنْجَلَاءٌ (berterang-terangan) menjadinya terang) dan اِنْشَوَى (terbakar) masdarnya اِنْشَوَاءٌ (panggangan) iaitu dengan menggantikan alif maqṣūrat di akhir kepada hamzat.

Jadual 2.1

KATA KERJA THULĀTHIYY MAZID DUA KONSONAN POLA اِنْفَعَلْ DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazid	Masdar
1) Sahīl	فَعَلْ	Thulāthiy Mazid Dua Konsonan اِنْفَعَلْ	اِنْفَعَال
Şahīl Sālim	طَلَقَ	انْطَلَقَ	انْطَلَاق
Gandaan Konsonan Tengah	شَقَّ	اِنشَقَّ	اِشْقَاق
Mahmūz awal	أَطْرَ	اِنْأَطَرَ	انْتَطَار
Mahmūz Tengah			
Mahmūz Akhir	كَفَّا	اِنْكَفَّا	اِنْكَفَاء
2) Mu'tal			

Jadual 2.1 (sambungan)

Mu'tal Awal	وَرَبٌ	أُورَبٌ	أُورَابٌ
Mu'tal Tengah	قَادٍ	أْنْقادٍ	أْنْقادٍ
Mu'tal Akhir	جَلَّا	أَنْجَلَى	أَنْجَلَاءٍ
Mu'tal Awal dan Akhir			
Mu'tal Tengah dan Akhir	شَوَّى	أَشْشَوَى	إِنْشَوَاءٍ

2.1.2. Aspek Semantik Bagi الفعل.

Aspek semantik bagi kata kerja berimbuhan hamzat waṣal dan nūn di awal menerangkan makna yang terkandung bagi pola ini. Terdapat satu makna yang terbit dari pola ini iaitu :

2.1.2.1. *Muṭāwa'at*

Muṭāwa'at ialah menerima kesan daripada kata kerja awal قبول الشئ اثر ().

). Ianya berlaku pada kata kerja al-'ilājiyyaṭ iaitu perbuatan yang boleh dilihat dengan pancaindera zahir (مُدْرِكٌ بِالْحِسْنِ الظَّاهِرِ). (Muhammad Yusriy Za'īr, 1989 : 247). Ia menjadikan kata kerja transitif (*muta'addiy*) kepada kata kerja tak transitif (kata kerja *lazim*). Contohnya : قَطَعْتُهُ فَانْقَطَعَ (Aku memotongnya maka terpotonglah ia)

daripada asal kata kerja قَطَعَ (memotong). (Ahmad al-Hamlawī, 1965 : 44) dan

(كَسَرْتُ الزُّجاجَ فَالْكَسَرَ) (Aku telah memecahkan botol kaca itu maka berderailah ia)

daripada kata kerja asalnya **كُسْرَ** (memecahkan) yakni kalimah **إِنْكَسَرَ** (berderai) menerima kesan daripada kata kerja **كَسَرْتُ** (aku telah memecahkan).

Jadual 2.2

SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHIY MAZID DUA KONSONAN POLA **افتَعَلْ**

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	<i>Muṭāwa'at</i> (المطأة عَنْ)	قطَعْتُهُ فَانْقَطَعَ (saya memotongnya maka terpotonglah ia)

2.2. Masdar Thulāthiy Mazid Dengan Imbuhan Hamzat Waṣal Di Awal Dan Tā' Di Tengah Kata (**افتَعَلْ**)

Masdar thulāthiy mazid dengan imbuhan hamzat waṣal di awal dan tā' di tengah kata adalah terhasil dari kata kerja thulāthiy berimbuhan hamzat waṣal di awal dan tā' di tengah. Masdar ini terhasil dalam bentuk yang sama dari kata kerja ṣaḥīḥ dan mu'tal.

2.2.1 Aspek Pola Bagi **افتَعَلْ**.

Bagi pola **افتَعَلْ** masdarnya dalam bentuk pola **افتَعَالْ** dengan menggantikan baris fathat pada tā' kepada baris kasrat dan mengimbuhkan alif sebelum konsonan akhir.

Contohnya احْتَرَمَ (menghormati) masdarnya احْتِرَام (penghormatan).

(Fakhruddin Qabawat, 1994 : 138)

2.2.1.1. Pola افتَعَلْ Bagi Kata Kerja Sahīḥ.

Kata kerja sahīḥ bagi kata kerja yang berimbuhan hamzaṭ wasal di awal dan tā' di tengah dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja yang lāmnya huruf sahīḥ
- ii. Kata kerja gandaan konsonan tengah
- iii. Kata kerja berhamzat

a. Pola افتَعَلْ bagi kata kerja yang lāmnya huruf sahīḥ. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola <u>افتَعَلْ</u></u>	<u>Masdari</u>	<u>Pola Masdar</u>
مزج	امْتَرَاج	امْتِرَاج	افتَعَال
(campur)	(bercampur)	(campuran)	

b. Pola افْتَعِل bagi kata kerja gandaan konsonan di tengah . Contohnya :

Kata Akar

Pola افْتَعِل

Masdar

Pola Masdar

خُلٌ

إِحْتَلَلٌ

إِحْتَلَالٌ

إِفْتَعَالٌ

(turun pada tempat) (menduduki (mendiami tempat)
tempat)

c. Pola افْتَعِل bagi kata kerja berhamza^ت

Kata kerja berhamza^ت bagi kata kerja berimbahan hamza^ت waṣal di awal dan tā' di tengah dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja berhamza^ت di awal
- ii. Kata kerja berhamza^ت di tengah
- iii. Kata kerja berhamza^ت di akhir

i.. Kata kerja berhamza^ت di awal. Contohnya:

Kata Akar

Pola افْتَعِل

Masdar

Pola Masdar

أَخَذَ

أَنْجَذَ

أَنْجَادٌ

إِفْتَعَالٌ

(mengambil)

(mengambil

(pengambilan)

langkah)

ii. Kata kerja berhamzat di tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> اَفْعَلُ	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
رأس	اِرْتَأْسٌ	اِرْتَأْسٌ	اِفْتَعَالٌ
(memimpin)	(menjadi ketua)	(mengetuai)	

iii. Kata kerja berhamzat di akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> اَفْعَلُ	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
بِدَا	ابْتَدَأٌ	ابْتَدَاءٌ	اِفْتَعَالٌ
(mula)	(bermula)	(permulaan)	

2.2.1.2. Pola اَفْعَلُ Bagi Kata Kerja Mu'tal.

Kata kerja mu'tal bagi kata kerja berimbuhan hamzat waṣal di awal dan tā' di tengah dikategorikan kepada lima iaitu :

- i. Mu'tal awal
- ii. Mu'tal tengah
- iii. Mu'tal akhir
- iv. Mu'tal awal dan akhir
- v. Mu'tal tengah dan akhir

a. Pola افتَّعَلَ bagi kata kerja mu'tal awal. Contohnya :

Kata Akar

Pola افتَّعَلَ

Masdar

Pola Masdar

وَصَفْ

أَنْصَافِ

أَنْصَافِ

أَفْتَعَالِ

(menyifatkan)

(bersifat)

(penyifatan)

b. Pola افتَّعَلَ bagi kata kerja mu'tal tengah. Contohnya :

Kata Akar

Pola افتَّعَلَ

Masdar

Pola Masdar

عَالِ

اعْتَوَلَ

اعْتِوَالِ

أَفْتَعَالِ

(menganiaya /

(meratap)

(ratapan)

menzalimi)

c. Pola افتَّعَلَ bagi kata kerja mu'tal akhir. Contohnya :

Kata Akar

Pola افتَّعَلَ

Masdar

Pola Masdar

رَمَى

أَرْتَمَى

أَرْتِمَاءِ

أَفْتَعَالِ

(melempar)

(melempari)

(lemparan)

d. Pola افتَعَلْ bagi kata kerja mu'tal awal dan akhir . Contohnya :

Kata Akar

Pola افتَعَلْ

Masdar

Pola Masdar

وقَىٰ

اَتَقَىٰ

اَتَقَاءٌ

اِفْتَعَالٌ

(memelihara)

(menakuti /
menjauhi /

(ketakutan /
penghindaran)

menghindari)

e. Pola افتَعَلْ bagi kata kerja mu'tal tengah dan akhir. Contohnya :

Kata Akar

Pola افتَعَلْ

Masdar

Pola Masdar

سَوَىٰ

اسْتَوَىٰ

اسْتِوَاءٌ

اِفْتَعَالٌ

(sama)

(menyamai)

(penyamaan)

2.2.1.3. Kesimpulan

Daripada contoh-contoh di atas masdar bagi pola افتَعَلْ dalam bentuk pola

pada kata kerja şâhîh dan mu'tal. Namun terdapat perubahan konsonan pada kata kerja

mu'tal awal dan juga masdarnya. Contohnya : اُنْصَفَ (bersifat) daripada kata kerja asalnya menyifatkan) asalnya اُنْصَفَ وَصَفَ masdarnya dalam bentuk pola اُنْصَافِ (penyifatan) yang asalnya اُنْصَافِ . Wāw digantikan dengan tā' kemudian digandakan (*syaddal*) tā' tersebut untuk meringankan sebutan. Perubahan ini berlaku kerana, sukar untuk dituturkan apabila wāw yang bersukun bertemu dengan tā'. Gantian wāw dengan tā' ini juga kerana makhrajnya yang sama dengan tā' . اِفْعَالٌ Ia dinamakan sebagai penggantian huruf (الْإِبْدَالُ) (Muhammad Yusriy Za'ir, 1997 : 71)

Begitu juga dengan kata kerja mu'tal tengah, contohnya : اَعْتَرَلْ (meratap) masdarnya dalam bentuk اَعْتَوَالْ (ratapan) dari kata akarnya عَالْ (menganiaya / menzalimi) asalnya عَوْلَ iaitu wāw digantikan dengan alif kerana kesesuaianya dengan baris fathat.

Manakala bagi kata kerja mu'tal akhir , mu'tal awal dan akhir serta mu'tal tengah dan akhir, berlaku gantian alif di akhir kepada hamzat. Contohnya : اِرْسَى (melempari) daripada kata akarnya رَمَى (melempar) masdarnya dalam bentuk pola اِرْتَمَاء (lemparan).

Jadual 2.3

KATA KERJA THULĀTHIY MAZID DUA KONSONAN POLA افتَعُلْ DAN
MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazid	Masdari
1) Sahīh	فَعَلْ	Thulāthiy Mazid Dua Konsonan افتَعُلْ	افتَعَالْ
Sahīh Sālim	مَرْجَ	امْتَرَاجْ	امْتِرَاجْ
Gandaan Konsonan Tengah	حَلْ	اَحْتَلْ	اَحْتِلَال
Mahmūz Awal	أَخَذْ	اَتَخَذْ	اَتَخَادْ
Mahmūz Tengah	رَأَسْ	اِرْتَأَسْ	اِرْتِئَاسْ
Mahmūz Akhir	بَدَا	اَبَدَأْ	اَبْدَاء
2) Mu'tal			
Mu'tal Awal	وَصَفْ	اَثْصَافْ	اَنْصَافْ
Mu'tal Tengah	عَالَ	اَعْتَوَلْ	اِعْتَوَال
Mu'tal Akhir	رَمَى	اَرْتَمَى	اِرْتِمَاء
Mu'tal Awal dan Akhir	وَقَى	اَثْقَى	اِثْقَاء
Mu'tal Tengah dan Akhir	سَوَى	اَسْتَوَى	اِسْتِوَاء

2.2.2. Aspek Semantik Pola ^{أَفْعَلٌ}

Aspek semantik bagi pola berimbuhan hamza^ت waṣal di awal dan tā' di tengah kata bertujuan untuk menghuraikan makna-makna yang terkandung dalam pola ini. Ini kerana, apabila diimbuhkan dengan hamza^ت waṣal di awal dan tā' di tengah semantiknya berubah daripada asal kata kerja. Semantik bagi pola ini adalah pelbagai dan berbeza mengikut situasi penggunaan ayat. Oleh yang demikian, penulis cuba menghuraikan aspek semantik daripada pola ini seperti di bawah.

2.2.2.1. Mengambil atau memiliki (الْتَّحَادُ)

ia bermaksud menjadikan pelaku sebagai orang yang memiliki atau orang yang mengambil sesuatu. Contohnya : أَخْتَمَ زَيْدٌ (Zaid telah memakai cincin) daripada kata asalnya (cincin) yakni dengan mengimbuhkannya dengan hamza^ت waṣal di awal dan tā' di tengah, maknanya berubah kepada Zaid sebagai orang yang memakai cincin atau si pemilik cincin tersebut. (Ahmad al-Ḥamīwīy, 1965 : 44)

Begitu juga dengan contoh, أَرْتَشَى الْوَظْفَ (pegawai itu telah mengambil rasuah) daripada kata asalnya رَشَا (merasuahi) yakni dengan mengimbuhkannya dengan imbuhan bagi pola ini memberi makna pegawai itu sebagai orang yang mengambil rasuah. (Fakhruddīn Qabāwa^ت, 1994 : 119)

2.2.2.2. Berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam menghasilkan sesuatu.

(الاجتِهاد في تحصيل الشَّيْء)

Ia bermaksud menjadikan pelaku sebagai orang yang berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan pekerjaan. Contohnya : Amr telah اكتسبَ عمرو في الدراسة : (Amr telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam pengajiannya) daripada kata kerja asalnya كَسَبَ (berusaha) yakni dengan mengimbuhkan dengan imbuhan hamza $\underline{\text{t}}$ waṣal di awal dan tā' di tengah menjadikan semantiknya berubah kepada makna berusaha dengan bersungguh-sungguh. (Muḥammad Yusriy Za'īr, 1989 : 350)

2.2.2.3. Penyalingan (المُشَارِكَة / الشَّارُك)

Ia bermaksud sesuatu pekerjaan atau perbuatan yang dinisbahkan kepada dua pihak. Contohnya : (اخْتَصَمَ زَيْدٌ وَعَمْرُو : Zaid dan 'Amr saling bermusuhan) daripada asal kata kerjanya خصم (lawan / berbalah) yakni imbuhan hamza $\underline{\text{t}}$ waṣal dan tā' pada kata kerja اختصم menjadikan semantiknya berubah kepada makna saling bermusuhan. (Aḥmad al- Ḥamlāwīy, 1965 : 44)

2.2.2.4. *Muṭāwa'at*

Ia bermaksud menerima kesan daripada kata kerja awalnya. Contohnya : شَوَّيْتُهُ

فَاشْتُوْيَ (saya membakarnya lalu terbakarlah ia) daripada kata kerja asalnya شَوَّى

(bakar / panggang) yakni perkataan اشْتُوْي (terbakar) menerima kesan daripada kata

kerja yang awalnya iaitu شَوَّيْتُ (saya telah membakarnya). (Muḥammad Yusriy Za'īr,

1989 : 249)

Sibawayh menyatakan makna *muṭāwa'at* bagi pola ini adalah sedikit digunakan berbanding pola افعل (Sibawayh, t.t : 76). Ia juga, berlaku pada kata kerja 'ilājiyyat dan kata kerja bukan 'ilājiyyat. (Fakhruddin Qabāwāt, 1994 : 118). Kata kerja bukan 'ilājiyyat bermaksud perbuatan yang tidak nampak dari pandangan zahir (غير حسي).

Contohnya : غَمِّتَهُ فَاغْتَمَ (saya telah membuatnya sedih maka bersedihlah ia).

Daripada kata akarnya غُمَّ (sedih / murung). (Muḥammad Yusriy Za'īr, 1989 : 247)

2.2.2.5. Menyatakan / Menzahirkan (الاظهار)

Ia bermaksud menzahirkan atau menyatakan keadaan pelaku. Contohnya : اعتذر

(dia meminta keuzuran) daripada kata akarnya عذر (uzur / minta maaf) yakni dengan

mengimbuhkannya dengan imbuhan hamza^ت waṣal dan tā' padanya memberi maksud menzahirkan keuzurannya. (Aḥmad al- Ḥamlāwī, 1997 : 44)

2.2.2.6. Kepalingan (المبالغة)

Ia bermaksud berlebih-lebih dalam melakukan sesuatu perbuatan. Contohnya : ia sangat berkemampuan / berkuasa) daripada kata akarnya (قدر) mampu / kuasa). (Ibid, 1997 : 44)

2.2.2.7. Penukaran sesuatu kepada asal derivasinya. (تحويل الشئ إلى ما اشتُق منه الفعل)

Contohnya : (اخْتَرْتُ الدِّيقَنَ) (saya telah jadikan tepung sebagai roti) daripada kata akarnya (roti). Imbuhan hamza^ت waṣal dan tā' pada kata kerja memberi maksud menjadikan tepung sebagai roti. (جَعَلْتُه خُبْرًا). (Muḥammad Yusriy Za‘īr, 1989 : 250)

2.2.2.8. Pemilihan (الاختيار)

Ia bermaksud menjadikan sesuatu sebagai yang terpilih dan terbaik. Contohnya : ia memilih (صَفَا) daripada kata akarnya (jernih / hening / cuci). Sebagaimana firman Allah S.W.T. : إِنَّ اللَّهَ اصْنَطَفَى عَادَمَ وَنُوحًا وَأَوَّلَ إِبْرَاهِيمَ وَأَوَّلَ عِمْرَانَ عَلَى الْعَالَمِينَ :

bermaksud : (sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam dan Nabi Nuh dan juga keluarga Nabi Ibrahim dan keluarga ‘Imrān, melebihi segala umat). (Surah Al ‘Imrān ayat 33). (Muhammad Yusriy Za’ir, 1989 : 252)

Jadual 2.4

SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHIY MAZID DUA KONSONAN POLA *افْعَلْ*

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Mengambil / memiliki (الْإِتَّخَادُ)	اختَّصَمَ زَيْدٌ (Zaid telah memakai cincin)
2	Berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam menghasilkan sesuatu (الْاجْتِهَادُ فِي تَحْصِيلِ الشَّيْءِ)	أَكْتَسَبَ عُمَرُو فِي الدِّرَاسَةِ ‘Amr telah <u>berusaha dengan bersungguh-sungguh</u> dalam pengajiannya)
3	Penyalingan (التَّشَارُكُ)	اختَّصَمَ زَيْدٌ وَعُمَرُو (Zaid dan ‘Amr saling bermusuhan)
4	<i>Muṭāwَwa ‘al-</i> (الْمُطَاوَعَةُ)	شَوَّيْتُهُ فَاسْتَوَى (saya membakarnya lalu terbakarlah ia)
5	Menyatakan / menzahirkan (الْإِظْهَارُ)	اعْتَذَرَ (dia meminta keuzuran)
6	Kepalingan (الْمُبَالَغَةُ)	(اقْتَدَرَ) (ia <u>sangat berkemampuan</u>)
7	Penukaran sesuatu kepada asal derivasinya <i>تَحْوِيلُ الشَّيْءِ إِلَى مَا اشْتَقَ مِنْهُ</i> (الفعل)	اخْتَبَزَتُ الدِّفِيقَ (saya telah <u>jadikan tepung sebagai roti</u>)
8	Pemilihan (الْإِخْتِيَارُ)	إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَى عَادَمَ وَنُوحًا (sesungguhnya Allah <u>telah memilih</u> Nabi Adam dan Nabi Nuh)

2.3. Masdar Thulāthīy Mazīd Dengan Imbuhan Hamzat Waṣal Di Awal Dan Gandaan Konsonan Di Akhir Kata (فعلٌ)

Masdar thulāthīy mazīd dengan imbuhan hamzat waṣal di awal dan gandaan konsonan di akhir kata terhasil daripada kata kerja thulāthīy mazīd berimbuhan hamzat waṣal di awal dan gandaan konsonan di akhir kata. Masdar ini terhasil dalam bentuk yang sama dari kata kerja saḥīḥ dan mu'tal.

2.3.1. Aspek Pola Bagi فعلٌ

Pola masdar bagi فعلٌ ialah افعالٌ dengan diberis kasraqan 'ain di tengah kata dan ditambahkan alif sebelum akhir. (Fakhruddin Qabāwati, 1994 : 138)

Kata kerja saḥīḥ bagi pola berimbuhan hamzat waṣal di awal dan gandaan konsonan di akhir kata, dikategorikan kepada satu bahagian iaitu :

- a. Pola فعلٌ bagi kata kerja yang lâmnya huruf saḥīḥ. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فعلٌ</u>	<u>Masdari</u>	<u>Pola Masdar</u>
------------------	------------------	----------------	--------------------

زرق

ازرقٌ

ازرقاً

افعالاً

(berwarna biru) (menjadi biru) (menjadi biru)

2.3.1.1. Pola افْعَل Bagi Kata Kerja Mu'tal

Kata kerja mu'tal bagi pola berimbuhan hamza^ت waṣal di awal dan gandaan konsonan di akhir kata dikategorikan kepada dua iaitu : mu'tal tengah dan mu'tal akhir.

a. Pola افْعَل bagi kata kerja mu'tal tengah. Contohnya :

<u>Kata akar</u>	<u>Pola افْعَل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
------------------	--------------------	---------------	--------------------

سُوْدٌ

اسْوَدٌ

اسْوَدَادٌ

اَفْعِلَالٌ

(berwarna hitam) (menjadi hitam) (menjadi hitam)

b. Pola افْعَل bagi kata kerja mu'tal akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola افْعَل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
------------------	--------------------	---------------	--------------------

رَعَا

اَرْعَوَى

اَرْعَوَاءٌ

اَفْعِلَالٌ

(menegah)

(bertegah)

(tegahan)

2.3.1.2. Kesimpulan :

Daripada contoh-contoh di atas, pola kata kerja thulāthīy mazid berimbuhan hamzat waṣal di awal dan gandaan konsonan di akhir kata terdapat daripada kata kerja yang lāmnya huruf ṣaḥīḥ, kata kerja mu'tal tengah dan kata kerja mu'tal akhir dalam bentuk masdarnya yang sama.

Bagi kata kerja ارْعَاء (bertegah) masdarnya dalam bentuk ارْعَاء

(tegahan) iaitu berlaku gantian alif di akhir kepada hamzat فِي الْهَمْزَة ().

Kata akarnya ialah عَرْ (menegah) yang berasal dari رَعَ . Wāw diganti kepada alif kerana kesesuaianya dengan baris fathat. Pola bagi kata kerja ini adalah jarang digunakan (*nawādir al-abniyyat*). Manakala gandaan konsonan di akhir katanya tidak dizahirkan dan wāw tidak digugurkan dalam perubahan pola kata kerja. (Anṭawān al-Daḥdāḥ, 1995 : 359).

Jadual 2.5

KATA KERJA THULĀTHĪY MAZID DUA KONSONAN POLA افعُل DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthīy Mazid	Masdar
1) Ṣaḥīḥ	فَعَلْ	Thulāthīy Mazid Dua Konsonan افعُل	افْعَلَ
Ṣaḥīḥ Sālim	رَرَقْ	اَزْرَقْ	ازْرَقَاقْ
Gandaan Konsonan Tengah			
Mahmūz Awal			

Jadual 2.5 (sambungan)

Mahmūz Tengah			
Mahmūz Akhir			
2) Mu'tal			
Mu'tal Awal			
Mu'tal Tengah	سَوْدَةٌ	اسْوَدٌ	اسْوَدَادٌ
Mu'tal Akhir	رَعَا	ارْعَوْيٍ	ارْعَوَاءٌ
Mu'tal Awal dan Akhir			
Mu'tal Tengah dan Akhir			

2.3.2. Aspek Semantik Pola الفُعْلُ

Aspek semantik bagi kata kerja berimbuhan hamzat waṣal di awal dan gandaan konsonan di akhir kata bertujuan menghuraikan makna yang terkandung dalam pola ini. Ini kerana, apabila diimbuhkan dengan imbuhan hamzat waṣal di awal dan gandaan konsonan di akhir kata, semantiknya berubah daripada asal kata kerja. Terdapat satu makna yang terbit dari pola ini iaitu :

2.3.2.1. Kepalingan (المبالغة)

Ia bermaksud berlebih-lebihan dalam menyatakan sesuatu sifat khususnya bagi warna (المبالغة في اللون) dan juga sifat cela (المبالغة في العيب الحسي). Ia

berlaku pada kata kerja tak transitif (الفعل اللازم). Contohnya : terlalu

merah) daripada kata akarnya (حمر berwarna merah) yakni menyatakan kuat

sifat warnanya. Dan juga اعْوَرُ (menjadi buta) daripada kata akarnya عَوْرَ

(buta sebelah mata). (Ahmad al-Hamlawi, 1965 : 45)

ارْعَوْيٰ : Terdapat juga makna selain daripada makna kepalingan. Contohnya :

(bertegah) daripada عَرْجٌ (menegah). (Fakhruddin Qabawat, 1994 : 120)

Jadual 2.6

SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHIY MAZID DUA KONSONAN POLA فعل

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Kepalingan (المُبَالَّةُ)	اخْمَرُ (terlalu merah)

2.4. Masdar Thulāthiy Mazid Dengan Imbuhan Tā' Di Awal Dan Gandaan Konsonan Di Tengah Kata فعل

Masdar thulāthiy mazid dengan imbuhan tā' di awal dan gandaan konsonan di tengah kata berhasil daripada kata kerja thulāthiy mazid berimbuhan tā' di awal dan gandaan konsonan di tengah kata. Masdar ini berhasil dalam satu bentuk dari kata kerja sahih dan mu'tal.

2.4.1. Aspek Pola Bagi تَفْعُل

Masdar bagi **تَفْعِلْ** iaitu dengan menggantikan baris fathat kepada dammat pada gandaan konsonan tengah kata. (Fakhruddin Qabāwat, 1994 : 138)

2.4.1.1. Pola تفعّل Bagi Kata Kerja Sahih.

Kata kerja sahīh bagi kata kerja berimbuhan tā' di awal dan gandaan konsonan di tengah kata, dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja yang lämnya huruf sahîh
 - ii. Kata kerja gandaan konsonan tengah
 - iii. Kata kerja berhamzat

a. Pola **فعل** bagi kata kerja yang lâmnya huruf sahîh. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>فَعْلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
مرد	تمرّد	تمرد	تمرّل
(melampau)	(menderhaka / melampaui)	(penderhakaan)	

b. Pola ٌفَعْل bagi kata kerja gandaan konsonan tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola ٌفَعْل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
حَدَّ	تَحَدَّدَ	تَحَدُّدٌ	تَفْعُلُ
(mengehadkan)	(terhad)	(ketetapan)	

c. Pola ٌفَعْل bagi kata kerja berhamza]

Kata kerja berhamza] bagi kata kerja berimbuhan tā' dan gandaan konsonan di tengah kata, dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu :

- i. Kata kerja berhamza] di awal
- ii. Kata kerja berhamza] di tengah
- iii. Kata kerja berhamza] di akhir

i. Kata kerja berhamza] di awal. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola ٌفَعْل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
أَهَلْ	تَأَهَّلَ	تَأَهْلٌ	تَفَعُلُ
(layak)	(berkelayakan)	(kelayakan)	

ii. Kata kerja berhamza^ت di tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>تَفْعِلُ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
رَأَفَ	تَرَأْفَ	تَرَوْفَ	تَفْعِلُ
(belas kasihan)	(mengasihi / merahimati)	(pengasihan)	

iii. Kata kerja berhamza^ت di akhir . Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>تَفْعِلُ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
بَرَا	تَبَرَّأ	تَبَرُّ	تَفْعِلُ
(mencipta)	(melepaskan / membebaskan diri)	(pelepasan pembebasan)	

2.4.1.2. Pola تَفْعِلُ Bagi Kata Kerja Mu'tal

Kata Kerja mu'tal bagi kata kerja berimbahan tā' di awal dan gandaan konsonan di tengah kata dikategorikan kepada lima iaitu :

- i. Mu'tal awal
- ii. Mu'tal tengah
- iii. Mu'tal akhir
- iv. Mu'tal awal dan akhir
- v. Mu'tal tengah dan akhir

a. Pola **تَفْعِل** bagi kata kerja mu'tal awal. Contohnya :

Kata Akar

Pola تَفْعِل

Masdar

Pola Masdar

وَصَلَ

تَوَصَّلَ

تَوَصُّلَ

تَفْعِلُ

(sampai / tiba)

(mencapai
keputusan)

(mencapai
keputusan)

b. Pola **تَفْعِل** bagi kata kerja mu'tal tengah. Contohnya :

Kata Akar

Pola تَفْعِل

Masdar

Pola Masdar

جَوَلَ

تَجَوَّلَ

تَحَوُّلَ

تَفْعِلُ

(berjalan)

(berjalan-jalan / merayau)

(perjalanan)

c. Pola **تَفْعِل** bagi kata kerja mu'tal akhir. Contohnya :

Kata Akar

Pola تَفْعِل

Masdar

Pola Masdar

غَذَا

تَعَذَّى

تَعَذُّ

تَفْعِلُ

(makan)

(memakan)

(pemakanan)

d. Pola **تَفْعِل** bagi kata kerja mu'tal awal dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola تَفْعِل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
وفى	تَوَفَّى	تَوَفُّ	تَفَعُّ
(sempurna)	(telah mati / menyempurnakan)	(kematian / penyempurnaan)	

e. Pola **تَفْعِل** bagi kata kerja mu'tal tengah dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola تَفْعِل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
توى	تَنْوِى	تَنْوُ	تَفَعُّ
(niat / jauh)	(berazam / berjauhan)	(kejauhan)	

2.4.1.3. Kesimpulan :

Bagi pola masdarnya dalam bentuk pola **تَفْعِل**. Namun, daripada contoh-contoh di atas terdapat sesetengah perkataan yang berubah pola masdarnya dalam bentuk **تَفَعُّ**. Antaranya pada kata kerja mu'tal akhir, contohnya : **تَعَذُّى**

(memakan) daripada kata akarnya **غَذَا** (makan) masdarnya dalam bentuk **غَذَّ** (pemakanan) daripada pola masdarnya **فَعْلٌ**. Ini kerana, asal masdarnya dalam bentuk pola **غَذَّرُ** bagi wazan **فَعْلٌ**. Kemudian, baris ḥammaṭ sebelum konsonan akhir digantikan dengan baris kasrat menjadi **غَذَّرُ**. Wāw diganti dengan yā' yang bersukun menjadi **غَذِيَّ**. Kemudian di gugurkan yā' di akhir menjadi **غَذَّ**. Perubahan pola ini juga berlaku pada kata kerja mu'tal awal dan akhir serta mu'tal tengah dan akhir. (Fakhruddin Qabāwat, 1994 : 139)

Jadual 2.7

KATA KERJA THULĀTHIY MAZID DUA KONSONAN POLA **فَعْلٌ** DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazid	Masdar
1) Sahīh	فَعْلٌ	Thulāthiy Mazid Dua Konsonan فَعْلٌ	فَعْلٌ
Sahīh Sālim	مَرَدٌ	ثَمَرَدٌ	ثَمَرَدٌ
Gandaan Konsonan Tengah	حَدٌّ	ثَحَدَّدٌ	ثَحَدَّدٌ
Mahmūz Awal	أَهْلٌ	ثَأَهْلٌ	ثَأَهْلٌ
Mahmūz Tengah	رَأْفَ	ثَرَأْفَ	ثَرَأْفَ
Mahmūz Akhir	بَرَّا	ثَبَرَّا	ثَبَرَّا
2) Mu'tal			

Jadual 2.7 (sambungan)

Mu'tal Awal	وصل	توصل	تَوَصُّلٌ
Mu'tal Tengah	جَوَلْ	تَجَوَّلْ	تَجَوُّلٌ
Mu'tal Akhir	غَذَا	تَعَذُّى	تَعَذُّ
Mu'tal Awal dan Akhir	وَفَى	تَوَفُّى	تَوَفُّ
Mu'tal Tengah dan Akhir	نَوْى	تَنْوُى	تَنْوُ

2.4.2. Aspek Semantik Bagi Pola تَفْعَلْ

Aspek semantik bagi kata kerja berimbuhan tā' di awal dan gandaan konsonan di tengah kata bertujuan untuk menghuraikan makna-makna yang terbit daripada pola ini. Ini kerana, apabila diimbuhkan dengan imbuhan tā' di awal dan gandaan konsonan di tengah, semantiknya berubah daripada asal kata kerja. Semantik bagi pola ini adalah pelbagai mengikut situasi penggunaan ayat. Oleh yang demikian, penulis cuba menghurai makna-makna yang terkandung bagi pola ini seperti di bawah.

2.4.2.1. *Muṭāwa'a* (المطاؤعة)

Ia bermaksud menerima kesan daripada kata kerja awalnya. Contohnya :

كَسَرْتُ فَتَكَسَرْتُ (aku telah memecahkannya maka berderailah ia) daripada kata

اكارنى (memecahkan). (Ahmad al-Hamlawiy, 1965 : 45)

2.4.2.2. Mengambil atau memiliki (الأخذ)

Ia bermaksud menjadikan pelaku sebagai pemilik atau orang yang mengambil sesuatu benda. Contohnya : تَوَسَّدَ ثِيَابَهُ (ia telah membantalkan bajunya) daripada kata akarnya الرَّسَاد (bantal) yakni ia mengambil baju sebagai bantal (أَتَحَذَّهُ وَسَادَةً). (Ahmad al-Hamīwīy, 1965 : 45)

2.4.2.3. Berpura-pura (التَّكَلُّفُ)

Takalluf bermaksud pelaku berpura-pura menyatakan sifat yang disukainya (أَنْ يُعَانِي الْفَاعِلُ صِفَةً يُحِبُّهَا) . Contohnya : شَجَحَ (ia berpura-pura berani) daripada kata akarnya بَرَانِي (berani) dan تَكْرُمٌ (ia berpura-pura menghormati) daripada kata akarnya كُرْمَة (hormat atau mulia). (Fakhruddin Qabāwat, 1994 : 116)

2.4.2.4. Meninggalkan atau menjauhkan (التَّجَنَّبُ)

Ia bermaksud meninggalkan atau menjauhkan diri daripada sesuatu perkara. Contohnya : يَتَّمِّمُ (ia menghindarkan diri daripada melakukan dosa) daripada kata akarnya إِثْمٌ (dosa). (Ibid, 1994 : 116)

2.4.2.5. Beransur-ansur (التدريج)

Ia bermaksud melakukan sesuatu perbuatan secara beransur-ansur.

Contohnya : تَجْرِيْعُ الْماء (aku meneguk air perlahan-lahan) daripada kata akarnya

جَرَعَ (meneguk) yakni meminum air sedikit-sedikit. (Ahmad al-Hamlawiy, 1965

: 45)

2.4.2.6. Tuntutan (الطلب)

Ia bermaksud pelaku menuntut atau meminta melakukan sesuatu perkara.

Contohnya : تَقْرُبَ أخْوَكَ مِنِّي (saudaramu memperdekatkan diri denganku)

daripada kata akarnya قُرْبٌ (dekat atau hampir) yakni meminta supaya

didekatkan dengan saudaranya. (Fakhruddin Qabawat, 1994 : 116)

2.4.2.7. Memasuki kumpulan (الاِنْسَاب)

Ia bermaksud menggolongkan pelaku dengan sesuatu golongan atau kumpulan yang diambil daripada kata kerjanya. Contohnya : تَحَرَّبَ (ia menjadi

Arab / menyerupai Arab) daripada kata akarnya العَرَب (orang Arab) yakni

menggolongkannya dengan orang yang berbangsa Arab. (Ibid, 1994 : 116)

2.4.2.8. Menjadikan sesuatu (الصَّبُورُ وَهُ)

Ia bermaksud menjadikan pelaku dengan sesuatu yang lain. Contohnya :

أَهْلٌ (ia berkelayakan) daripada kata akarnya أَهْلٌ (layak) yakni menjadikannya

sebagai seorang yang layak atau berpengetahuan dan حَنْفٌ (ia beramal dengan

mazhab Hanafi) daripada kata akarnya حَنْفٌ (cenderung) yakni menjadi orang

yang bermazhab Hanafi. (Fakhruddin Qabawat, 1994 : 116)

2.4.2.9. Kepalingan (الْبَالَغُهُ)

Ia bermaksud berlebihan dalam menyatakan sesuatu perkara. Contohnya :

بَانِيَةً إِلَاجَاهَةً (jawapannya sangat jelas) daripada kata akarnya بَانِيَةً / nyata / jelas /

terang) . (Ibid, 1994 : 116)

Jadual 2.8

SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHIY MAZID DUA KONSONAN POLA فَعَلَ

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Muṭāwa ‘at (المطواعة)	كَسْرَتْهُ فَكَسَرَ (aku telah memecahkannya maka berderailah ia)
2	Mengambil atau memiliki (الاتخاذ)	تَوَسَّدَ ثُوبَهُ (ia telah membantalkan bajunya)

Jadual 2.8 (sambungan)

3	Berpura-pura (التَّكْلِفُ)	تَشَجَّعَ (ia berpura-pura berani)
4	Meninggalkan / menjauhkan (التَّحْتِبُ)	تَأْنِمَ (ia menghindarkan diri daripada melakukan dosa)
5	Beransur-ansur (التَّدْرِيجُ)	تَجْرِعْتُ الْمَاءَ (saya meneguk air perlahan-lahan)
6	Tuntutan (الْطَّلَبُ)	تَقْرَبَ أَخْوَكَ مِنِي (saudaramu memperdekatkan diri denganku)
7	Memasuki kumpulan (الْاِسْنَابُ)	تَعَرَّبَ (ia menjadi Arab / menyerupai Arab)
8	Menjadikan sesuatu (الصَّيْرُورَةُ)	تَأْهَلَ (dia berkelayakan)
9	Kepalingan (الْمُبَالَغَةُ)	تَبَيَّنَ الْإِحْجَاجَةُ (jawapannya sangat jelas)

2.5. Masdar Thulāthiy Mazid Dengan Imbuhan Tā' Di Awal Dan Alif Di Tengah Kata (تَفَاعُلُ)

Masdari thulāthiy mazid dengan imbuhan tā' di awal dan alif di tengah kata adalah terhasil daripada kata kerja thulāthiy berimbuhan tā' di awal dan alif di tengah. Masdar ini terhasil dalam satu bentuk pola dari kata kerja sahih dan mu'tal.

2.5.1. Aspek Pola Bagi تَفَاعُلٌ

Bagi pola تَفَاعُلٌ masdarnya dalam bentuk pola تَفَاعُلٌ dengan menggantikan baris fathat dengan baris ḍammat di konsonan sebelum akhir dan konsonan di akhir kata. (Fakhruddin Qabawat, 1994 : 138)

2.5.1.1. Pola تَفَاعُلٌ Bagi Kata Kerja Sahīh.

Kata kerja sahīh bagi kata kerja berimbahan tā' di awal dan alif di tengah kata dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja yang lāmnya huruf sahīh
- ii. Kata kerja gandaan konsonan tengah
- iii. Kata kerja berhamzat.

a. Pola تَفَاعُلٌ bagi kata kerja yang lāmnya huruf sahīh. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola تَفَاعُلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
ضرَبٌ	تَضَارَبٌ	تَضَارُبٌ	تَفَاعُلٌ
(pukul / memukul)	(berpukulan)	(saling berpukulan)	

b. Pola ٌتَّفَاعِلْ bagi kata kerja gandaan konsonan tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>ٌتَّفَاعِلْ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
مُرُّ	تَمَارُ	تَمَارُ	تَّفَاعِلْ
(berjalan / melintasi)	(saling bermusuhan / membenci)		(permusuhan)

c. Pola ٌتَّفَاعِلْ bagi kata kerja berhamzat.

Kata kerja berhamzat bagi kata kerja berimbuhan tā' di awal dan alif di tengah kata dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja berhamzat di awal
- ii. Kata kerja berhamzat di tengah
- iii. Kata kerja berhamzat di akhir

i. Pola ٌتَّفَاعِلْ bagi kata kerja berhamzat di awal. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>ٌتَّفَاعِلْ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
أَمْرُ	تَأْمِرُ	تَأْمِرُ	تَّفَاعِلْ
(memerintah)	(bermesyuarat / berpaket)		(persepakatan)

ii. Pola ٌتَفَاعِلْ bagi kata kerja berhamza^ت di tengah. Contohnya:

Kata Akar

Pola ٌتَفَاعِلْ

Masdar

Pola Masdar

رَأَدْ

تَرَاءَدْ

تَرَأَدْ

تَفَاعِلْ

(terbit)

(bergerak /
bergoyang)

(gerakkan /
goyangan)

iv. Pola ٌتَفَاعِلْ bagi kata kerja berhamza^ت di akhir. Contohnya :

Kata Akar

Pola ٌتَفَاعِلْ

Masdar

Pola Masdar

خَطَىْ

تَخَاطَأْ

تَخَاطَرْ

تَفَاعِلْ

(salah)

(berpura-pura
membuat salah)

(berpura-pura
salah)

2.5.1.2. Pola ٌتَفَاعِلْ Bagi Kata Kerja Mu'tal

Kata kerja mu'tal bagi kata kerja berimbuhan tā' di awal dan alif di tengah kata dikategorikan kepada lima iaitu :

- i. Mu'tal awal
- ii. Mu'tal tengah
- iii. Mu'tal akhir
- iv. Mu'tal awal dan akhir

v. Mu'tal tengah dan akhir

a. Pola **تَفَاعِلٌ** bagi kata kerja mu'tal awal. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>نَفَاعِلْ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
يَمِنْ	نَيَامِنْ	نَيَامُونْ	نَفَاعِلْ
(kanan)	(menganakan)	(ke kanan)	

b. Pola bagi kata kerja mu'tal tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>تَعَالُّ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
دَالَ	تَدَارُلٌ	تَدَارُلٌ	تَعَالُلٌ
(beredar)	(berunding atau bertukar-tukar)	(pertukaran / perundingan)	

c. Pola شاعل bagi kata kerja mu'tal akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <u>نَفَاعَلْ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
لَقِيَ	نَلَاقَيْ	نَلَاقِ	نَفَاعَ

d. Pola ٌتَّفَاعِلْ bagi kata kerja mu'tal awal dan akhir. Contohnya :

Kata Akar

Pola ٌتَّفَاعِلْ

Masdar

Pola Masdar

وَرَى

تَوَأَى

تَوَانَ

تَفَاعَلَ

(lambat / lewa)

(tidak ambil

(kelambatan)

peduli / berlambat-

lambat)

e. Pola ٌتَّفَاعِلْ bagi kata kerja mu'tal tengah dan akhir. Contohnya :

Kata Akar

Pola ٌتَّفَاعِلْ

Masdar

Pola Masdar

دَوِيَ

تَدَارَى

تَدَارُ

تَفَاعَلَ

(sakit)

(mengubati /

(pengubatan)

mengubat)

2.5.1.3. Kesimpulan

Daripada contoh-contoh di atas, terdapat banyak perkataan yang bentuk masdarnya berbeza dari pola masdar asalnya. Contohnya pada kata kerja mu'tal awal dan akhir, seperti : تَوَأَى (tidak ambil peduli / berlambat-lambatan) daripada kata akarnya وَرَى (lambat / lewa) masdarnya dalam bentuk تَوَانَ (kelambatan)

bagi pola **فاعل**. Ini kerana, asal masdarnya dalam bentuk pola **تواني** bagi pola **تفاعل**.

Baris **damma** pada **nūn** diganti kepada baris **kasra** dan disukunkan **yā'** menjadi **واني**. Kemudian, **yā'** tersebut digugurkan menjadi **ون**. Perubahan ini juga berlaku pada kata kerja gandaan konsonan tengah kata, kata kerja mu'tal akhir serta mu'tal tengah dan akhir. (Fakhruddin Qabāwāt, 1994 : 138)

Jadual 2.9

KATA KERJA THULĀTHIY MAZID DUA KONSONAN POLA **تفاعل** DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazid	Masdar
1) Şahîh	فعل	Thulāthiy Mazid Dua Konsonan تفاعل	تفاعل
Şahîh Sâlim	ضرب	تضارب	تضارب
Gandaan Konsonan Tengah	مر	تمار	تمار
Mahmûz awal	أمر	تامر	تامر
Mahmûz Tengah	رآد	تراءد	تراءد
Mahmûz Akhir	خطي	تحاطأ	تحاطأ
2) Mu'tal			
Mu'tal Awal	يمن	تيمان	تيمان
Mu'tal Tengah	ذال	تداؤل	تداؤل

Jadual 2.9 (sambungan)

Mu'tal Akhir	لَقِيَ	لَلَّاقِي	لَلَّاقِ
Mu'tal Awal dan Akhir	وَتَقَىٰ	ثَوَائِي	ثَوَانِ
Mu'tal Tengah dan Akhir	دَوِيَ	تَدَأْوِي	تَدَاوِ

2.5.2. Aspek Semantik Pola شَاعُل

Aspek semantik bagi kata kerja berimbuhan tā' di awal dan alif di tengah kata bertujuan menghuraikan makna-makna yang terkandung dalam pola ini. Ini kerana, apabila diimbuhkan dengan imbuhan bagi pola ini semantiknya berubah daripada asal kata kerja. Semantik bagi pola ini adalah pelbagai mengikut situasi penggunaan ayat. Oleh yang demikian, penulis cuba menghuraikan aspek semantik daripada pola ini seperti di bawah.

2.5.2.1. Penyalingan (*musyāraka*)

Ia bermaksud perkongsian kata kerja antara pelaku dan objek bagi dua pihak ataupun lebih. Contohnya : تجاذب زيد و عمرو (Zaid and 'Amr saling tarik menarik baju) daripada kata akarnya حَذَبَ (tarik) yakni kata kerja

bermaksud saling tarik menarik iaitu perkongsian kerja antara Zaid dan 'Amr. (Ahmad al-Hamlawiy, 1965 : 45)

2.5.2.2. Berpura-pura (التَّكَلُّفُ)

Ia bermaksud menyatakan sikap pelaku yang berpura-pura. Contohnya : تَعَافِلْ (ia berpura-pura melupakan) daripada kata akarnya غَفَلْ (lalai atau lupa) dan تَحَاوِلْ (ia berpura-pura tidak tahu) daripada kata akarnya جَهْلْ (jahil atau tidak tahu). (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 253)

2.5.2.3. *Mutāwa'at*

Ia bermaksud menerima kesan daripada kata kerja awalnya. Contohnya : قَبَاعِدْهُ (aku menjauhkannya maka berjauhanlah ia) daripada kata akarnya بَعْدْ (jauh). (Ibid, 1989 : 254)

2.5.2.4. Beransur-ansur (التَّدْرِيجُ)

Ia bermaksud menghasilkan sesuatu secara beransur-ansur (تَدْرِيجًا) Contohnya : تَزَيَّدَ النِّيلُ (air sungai Nil semakin bertambah) daripada kata akarnya زَادَ (menambahkan) yakni air sungai Nil bertambah sedikit demi sedikit. (Ahmad Ḥamlawiy, 1965 : 46)

Jadual 2.10

SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHIY MAZID DUA KONSONAN POLA شاعل

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Penyalingan (المُشَارِكة)	تَجَادَبَ زَيْدٌ وَعَمْرُو ثُوَبَا (Zaid dan 'Amr saling tarik menarik baju)
2	Berpura-pura (التَّكْلِف)	تَغَافَلَ (Ia berpura-pura melupakan)
3	<i>Muṭāwa 'at</i> (الْمُطَاوِعَة)	بَاعَدَهُ فَقَبَعَدَ (saya menjauhkan diri dengannya maka berjauhanlah ia)
4	Beransur-ansur (التَّدْرِيج)	تَزَيَّدَ النَّيلُ (air sungai Nil semakin bertambah)